

**PENGLIBATAN GURU SECARA AKTIF MENINGKATKAN PENYERTAAN
PELAJAR MENERUSI PENILAIAN 10 PERATUS MARKAH KOKURIKULUM
MELALUI PERSATUAN KEMAHIRAN HIDUP: TINJAUAN DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN DATIN ONN JAAFAR,
BATU PAHAT, JOHOR**

Fauziah Mohd. Sarjan¹, Fatimah Mohd. Sarjan², Siti Mizarina Ghazali³ & ⁴Mohd
Noor Hashim

¹Sekolah Menengah Datin Onn Jaafar, Batu Pahat,

²Sekolah Menengah Bukit Mewah, Seremban,

³Sekolah Menengah Seri Gading, Batu Pahat.

⁴ Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

¹fauziahmsarjan@yahoo.com, ²zuein_s@yahoo.com, ³ctmizarina@gmail.com
& ⁴mohdnoor@uthm.edu.my

ABSTRAK

Penglibatan guru secara aktif akan meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan seterusnya menambah markah dalam penilaian merit 10 peratus markah kokurikulum. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum juga meningkat dan menjadi lebih tersusun dengan sistem merit tersebut. Ia memberi impak positif kepada pelajar untuk merebut peluang menyambung belajar ke IPTA dengan lebih bersungguh. Pelajar sememangnya memerlukan guru untuk memimpin mereka dan memantau segala bentuk kegiatan yang mereka jalankan. Tanpa guru, kegiatan kokurikulum sukar dilaksanakan atau kurang memenuhi objektif sasaran. Tugas ini meninjau penglibatan guru dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di dalam Persatuan Kemahiran Hidup Sekolah Menengah Datin Onn Jaafar Batu Pahat Johor. Manakala penglibatan guru dilihat dari aspek aktif dan yang kurang aktif dalam melaksanakan tugas mereka. Untuk mendapatkan gambaran lebih jelas, pengkaji telah turut mendokumenkan latar belakang, kepentingan, pelaksanaan dan penilaian penglibatan pelajar dalam aktiviti Persatuan Kemahiran Hidup 2010. Rumusan kajian ini berpendapat bahawa penglibatan guru secara aktif penggerak kepada peningkatan penglibatan pelajar sama ada pelajar baik atau lemah dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan. Seterusnya berjaya mendidik dan membentuk diri pelajar di samping menambah peluang kejayaan belajar ke IPTA.

Kata kunci: *Aktiviti pelajar, pengalaman luar darjah ,pembelajaran berterusan.*

PENGENALAN

Kegiatan kokurikulum merupakan kegiatan yang dikendalikan di luar bilik darjah dan ianya merupakan pelengkap kepada kurikulum formal dalam proses pendidikan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, afektif dan psikomotor. Ini bermakna dalam proses pendidikan dua elemen ini iaitu kurikulum dan kokurikulum merupakan tanggungjawab pendidik dan perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya bagi melahirkan pelajar yang cerdas, cergas dan berkemahiran.

Selain dari itu, pelajar dapat belajar bagaimana menggunakan masa lapang mereka dengan melakukan pelbagai aktiviti yang bermanfaat. Ini bukan sahaja menggalakkan pembinaan hubungan yang sihat di kalangan pelajar yang mungkin terdiri dari pelbagai kaum malah dapat menjauhkan diri mereka daripada anasir-anasir jahat dan antisosial. Cara ini dapat meningkatkan harga diri setiap pelajar serta dapat meningkatkan lagi prestasi pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Hasilnya pelajar lebih bermotivasi dan berdisiplin dan seterusnya tujuan utama untuk menjadikan sekolah tempat belajar yang menyeronokkan tercapai.

Menurut Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), pelaksanaan kegiatan kokurikulum di semua sekolah adalah wajib dan kegiatan kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum kebangsaan, yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum adalah suatu kesalahan dan jika disabitkan bersalah boleh dijatuhi hukuman denda atau penjara atau pun kedua-duanya sekali di bawah penalti am. Penyertaan semua guru sebagai penjawat awam dalam mengurus, menyelia dan mengelola kegiatan kokurikulum di sekolah adalah wajib. "Penyertaan semua guru adalah dikehendaki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah" (Perkara 5.2 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985).

Kod Etika Perguruan menyatakan dengan jelas tentang tanggungjawab guru terhadap pemegang amanah dalam bidang pendidikan. Guru lebih faham dan jelas tentang tanggungjawab mereka. Dengan perkataan lain etika keguruan bermaksud tugas hakiki guru menekankan dua perkara iaitu tanggungjawab dan amanah adalah konsep ibadah dan pembangunan insan. Peranan dan tanggungjawab guru sememangnya memberi impak yang besar dan mendalam dalam diri setiap individu itu. Dari kecil hinggalah menjawat jawatan yang hebat, semua itu adalah hasil ajaran dan didikan guru di sekolah.

LATAR BELAKANG

Sejajar dengan perkembangan dasar pendidikan di Malaysia, bentuk pengajaran dan pembelajaran bagi sekolah-sekolah di negara ini telah berubah. Pembentukan diri pelajar tidak lagi tertumpu di dalam bilik darjah tetapi sahsiah dan perawakan pelajar dididik melalui penyertaan aktiviti luar bilik darjah iaitu aktiviti kokurikulum. Sekolah bukan sahaja tempat untuk mengasah minda pelajar bahkan sekolah berperanan untuk membentuk sahsiah para pelajar. Seorang cerdik pandai yang tidak beretika tidak memberi sebarang erti kepada masyarakat bahkan mendatangkan masalah kepada masyarakat dan negara.

Pengelolaan kokurikulum secara teratur dan sistematik akan membawa keberkesanan dalam mencapai tujuan dan matlamat bagi memenuhi aspirasi pendidikan negara dan secara tidak langsung ia akan mendorong minat pelajar menyertai bidang kokurikulum. Berdasarkan kepada Peraturan 2 dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997, kegiatan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah hendaklah merupakan apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan pelajar peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di dalam bilik darjah untuk kegunaan mereka apabila berada di luar sekolah.

Penglibatan pelajar secara menyeluruh dan komitmen yang tinggi terhadap aktiviti yang dijalankan membolehkan pelajar menimba pengalaman dan mendorong mereka menghadapi dunia sebenar apabila mereka bergaul dengan masyarakat. Kegiatan atau aktiviti seperti permainan dan sukan, persatuan dan kelab, dan pasukan beruniform adalah aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah yang tidak terdapat dalam jadual waktu persekolahan. Aktiviti kokurikulum boleh disertai oleh semua pelajar sama ada menengah atas atau menengah rendah di mana ia berasaskan kepada minat dan kecenderungan serta keupayaan masing-masing.

Pembinaan watak melalui kegiatan kokurikulum juga amat penting dalam mengembangkan lagi bakat dan minat para pelajar supaya ianya menjadi persiapan kepada pelajar dalam menghadapi realiti hidup dan cabaran yang mendatang. Disiplin dalam organisasi, adab dalam bersukan dan berseni menjadi aset yang penting kepada pelajar dalam membentuk jiwa kepimpinan dalam diri mereka. Hakikatnya, pembabitan pelajar dalam organisasi merupakan suatu jambatan kepada membina keperibadian, ketrampilan dan ciri kepimpinan yang akan mempengaruhi hala tuju kehidupan pelajar tersebut pada masa akan datang.

Watak-watak berkeperibadian yang tinggi serta kepimpinan berasaskan nilai inilah secara tidak langsung yang akan menghasilkan produk berkualiti untuk kemajuan negara pada masa akan datang untuk meneroka kemajuan dan perubahan yang sifatnya membangun bukan meruntuhkan. Inilah peranan utama guru yang mempunyai tahap profesional yang tinggi dalam pembentukan watak insan kamil demi kepentingan pembentukan negara bangsa.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENGHALANG PENYERTAAN PELAJAR

Jika dilihat pada sistem pembelajaran sekarang kokurikulum tidak dititikberatkan oleh pihak pentadbir sekolah, guru dan pelajar. Sistem persekolahan lebih mementingkan kecemerlangan akademik menyebabkan kokurikulum diabaikan. Pelajar enggan dan kurang berminat dalam aktiviti kokurikulum. Sikap sambil lewa guru dalam melaksanakan kokurikulum, memberi impak kepada peningkatan penyertaan pelajar. Ini bertentangan dengan Falsafah Pendidikan Negara di mana kokurikulum memainkan peranan penting untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Oleh yang demikian, penglibatan guru adalah amat penting dalam menggerak dan melaksanakan kokurikulum di sekolah.

Fretwell (1931), menyarankan guru menerima tugas dan mengendalikan aktiviti kokurikulum dengan sepenuh hati. Long (1977), menyatakan terdapat masalah kekurangan masa selain daripada tenaga terlatih yang terhad di bidang kokurikulum. Masalah guru kurang terlatih juga disebut oleh Jonson dan Ronald (1952). Mereka menyatakan tidak semua program kokurikulum dijalankan dengan baik kerana setengah guru yang menyelia adalah kurang terlatih. Sistem pendidikan tradisional, tidak dapat membentuk keseimbangan pembangunan pelajar yang menyeluruh kerana terlalu mementingkan kecemerlangan akademik (pencapaian peperiksaan) sehingga pelajar mengabaikan aktiviti luar bilik darjah sewaktu melalui proses pembelajaran.

RANGKA KERJA KONSEP

Rangka kerja konsep, memperlihatkan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan guru secara aktif dapat meningkatkan penyertaan pelajar terhadap kokurikulum berbanding guru sebagai fasilitator (kurang aktif). Peningkatan penyertaan pelajar dilihat melalui pencapaian diri pelajar melalui sikap, motivasi dan sebagainya.

RANGKA KERJA KONSEP



LATAR BELAKANG 10% MARKAH KOKURIKULUM

Sekolah hendaklah mewujudkan peluang yang seluas-luasnya kepada murid untuk menyertai kegiatan kokurikulum yang mereka minati. Ketidakhadiran pelajar dalam kegiatan kokurikulum yang mana pelajar itu telah mendaftarkan diri untuk menyertainya adalah suatu kesalahan dan menyebabkan murid tersebut boleh dikenakan tindakan disiplin jika disabitkan bersalah seperti tindakan ke atas kesalahan ponteng sekolah atau ponteng kelas. Hal ini telah termaktubkan dalam Buku Undang-Undang dan Peraturan Sekolah dan perlu diketahui oleh semua pelajar dan ibu bapa.

Pelajar cemerlang mungkin berdepan masalah untuk diterima masuk ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini jika mereka tidak membabitkan diri dalam sebarang aktiviti kokurikulum di sekolah. Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, kecemerlangan akademik semata-mata walaupun mendapat 90% markah dalam akademik tidak menjamin pelajar mendapat tempat di IPTA (BH Online, 5 Julai 2010).

Menurut beliau lagi, langkah kementerian menekankan aspek kokurikulum kerana ingin melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik sebaliknya turut mempunyai nilai-nilai insaniah. Ianya juga adalah sebagai persediaan untuk graduan memasuki alam pekerjaan kelak. Kecemerlangan akademik itu hanyalah merupakan laluan awal untuk dipanggil temuduga tetapi ketika temuduga, aspek insaniah yang akan diambil kira.

Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi mula melaksanakan dasar pengambilan dan pemilihan pelajar berasaskan prinsip meritokrasi dengan menggunakan 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum bagi kemasukan ke IPTA. Empat aspek utama yang diberi penekanan dalam pengiraan markah ialah 10 peratus pencapaian kokurikulum iaitu kehadiran (50 peratus), peringkat pembabitan (20 peratus), pencapaian (20 peratus) dan jawatan disandang (10 peratus). Walaupun 10% markah kokurikulum diambilkira tetapi ia memainkan peranan besar dalam pemilihan pelajar ke IPTA.

Aktiviti kokurikulum yang diikuti oleh pelajar di sekolah, akan diambilkira untuk bersaing dalam memilih kerjaya yang lebih baik. Keupayaan memimpin serta berkeyakinan mengurus yang diperolehi dalam aktiviti kokurikulum sekolah adalah satu kelebihan untuk memenuhi peluang pekerjaan. Pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum akan diberi peluang dan pertimbangan dalam membina kerjaya mereka seterusnya.

Pada kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sesi Julai 2006/2007 lalu, buat pertama kali Kementerian Pengajian Tinggi mengambil kira markah kokurikulum sebagai 10 peratus daripada keseluruhan markah yang dimiliki calon. Langkah ini baik dan dialu-alukan. Tetapi ia dibuat dengan kaedah pengiraan mereka sendiri dan dengan tiba-tiba tanpa perancangan bersama warga sekolah menengah, maka ia menimbulkan banyak kekeliruan. Pada ketika itu Datuk Hishammuddin (Menteri Pelajaran) mengumumkan mulai tahun depan (2008), kementerianya akan mula menilai dan memberi markah kepada kegiatan kokurikulum di sekolah rendah dan menengah. Pembabitan pelajar sama ada dalam kegiatan sukan, pakaian seragam atau kelab/persatuan akan diberi merit mengikut peringkat diwakili (sekolah, daerah, negeri atau negara), jawatan (presiden, setiausaha, bendahari, jawatankuasa) dan tempoh masa penglibatan dan kehadiran.

Markah kokurikulum akan dicatatkan pada sijil peperiksaan, misalnya SPM iaitu sama seperti kelulusan ujian lisan. Jika diteliti Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum yang akan digunakan, jelas bahawa untuk pertama kali dalam sejarah pendidikan kita, satu skim kokurikulum yang komprehensif diwujudkan. Lebih 90 peratus warga sekolah diberi taklimat mengenai panduan penilaian itu. Seperti tahun lalu, markah kokurikulum 10 peratus diambil kira bagi kemasukan ke IPTA mulai sesi 2007/2008. Bezanya kali ini, ia dilaksanakan dengan lebih sistematik dan teratur. Dengan mengambil kira pelbagai aspek misalnya aspek spiritual, ini bermakna sistem pendidikan di sekolah akan menggunakan nisbah 90:10, iaitu 90 peratus akademik dan 10 peratus kokurikulum. Kesimpulannya kokurikulum mulai mendapat tempat lebih wajar dan sebahagian daripada persoalan kesepaduan dan kesimbangan itu mula kelihatan penyelesaiannya.

KOKURIKULUM DALAM PROGRAM PENDIDIKAN

Menurut Ee Ah Meng di dalam bukunya yang bertajuk "*Pendidikan Sebagai Suatu Proses: Asas Pendidikan 1*", kokurikulum ialah satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja tersusun dan terancang. Gerak kerja ini merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran

bilik darjah yang dijalankan melalui pertubuhan pakaian seragam, persatuan atau kelab dan unit permainan serta sukan. Menurut beliau lagi, aktiviti-aktiviti kokurikulum menyediakan peluang bagi pelajar untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari di dalam bilik darjah. Ini bermakna, aktiviti kokurikulum dilaksanakan dengan tujuan untuk menyediakan suatu wadah bagi membentuk etika seseorang pelajar itu.

Kokurikulum adalah kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran yang diajarkan di dalam bilik darjah tetapi juga dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan murid di sekolah (misalnya kegiatan dalam persatuan-persatuan, kegiatan sukan dan lain-lain).

Kamus Dewan (Edisi Ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), m.s. 692.

Kokurikulum adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani dengan menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan latihan, berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan yang bersepadu dan menyeluruh. Pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur-unsur intelek, disiplin sendiri, kepimpinan, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, kecintaan kepada alam semula jadi, kewarganegaraan dan kesetiaan kepada bangsa dan negara, kebudayaan, integrasi nasional, dan sebagainya akan membantu murid menentukan hala tuju kehidupan masa depannya. *Rujukan: Ramlan Abd. Wahab; Dewan Masyarakat, Januari 2002, Kerangkraf Publication Sdn. Bhd, m.s. 44.*

KANDUNGAN KEGIATAN PELAKSANAAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH

Kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan mengandungi perkara-perkara yang berikut:

1. penyertaan dalam sukan dan permainan, penyertaan dalam persatuan dan kelab, dan penyertaan dalam badan beruniform.
2. penyertaan dalam kegiatan-kegiatan lain sebagaimana ditentukan oleh menteri.

Kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan meliputi kegiatan dalam persatuan yang ditubuhkan di sekolah daripada kategori berikut:

- (a) mata pelajaran yang diajar di sekolah sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
- (b) hobi dan rekreasi, sukan dan permainan, badan beruniform, dan apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh pendaftar.

PELAKSANAAN KOKURIKULUM

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah hendaklah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa ada unsur-unsur diskriminasi atau paksaan dan yang bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan

Perlembagaan Negara (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/2000, KP(BS)8591/Jld. XVI(16) bertarikh 13 Nov. 2000). Penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum adalah wajib. Sehubungan itu, kehadiran murid dalam aktiviti kokurikulum mestilah direkodkan. (Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1986, KP(BS)8591/Jld. 11/(41) bertarikh 15 Januari 1986). Kegiatan kokurikulum di sekolah boleh dilaksanakan dengan menggunakan penglibatan dan kepakaran anggota-anggota masyarakat setempat.

Kokurikulum menjadi pelengkap kepada kitaran pendidikan yang melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor yang merupakan wadah bagi pembinaan jasmani, emosi dan rohani. Di samping itu penglibatan pelajar dalam aktiviti tersebut akan dapat menerapkan beberapa elemen penting seperti disiplin sendiri, kepemimpinan, keusahawanan, kreativiti, inovasi dan kecintaan terhadap alam semulajadi. Ianya juga secara tidak langsung dapat memupuk kepada pembentukan semangat kewarganegaraan, kesetiaan kepada bangsa dan negara serta integrasi nasional yang akan membantu pelajar menentukan hala tuju kehidupan mereka dan masa depan Negara. (Teks Ucapan Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Perhimpunan Bulanan KPT: 15 Disember 2009).

KEPENTINGAN KOKURIKULUM

Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah untuk mewujudkan suatu bangsa bercorak Malaysia yang bersatu padu dan dihormati. Hasrat ini akan dapat dicapai jika generasi muda sekarang dapat diberi pendidikan yang seimbang dan sempurna. Pendidikan yang seimbang dan sempurna sentiasa memberi penekanan kepada kedua-dua aspek iaitu akademik dan gerak kerja kokurikulum. Ini bermakna seseorang murid itu diberi didikan yang menyeluruh merangkumi aspek mental, fizikal, dan spiritual (Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi (1985)).

Penekanan baru kepada gerak kerja kokurikulum di sekolah-sekolah adalah sesuai dengan masa dan keperluan pendidikan di negara kita sekarang. Ini akan menjadikan pendidikan yang menyeluruh merangkumi bidang akademik dan kokurikulum. Kedua-dua bidang ini seharusnya digabungkan, diberi penekanan baru, dan diberi penilaian dan pengiktirafan yang sesuai supaya keseluruhan murid dan guru dapat memahami konsep pendidikan yang berasaskan kepada penekanan yang sama kepada bidang kokurikulum dan bidang akademik (Dato' Abdul Rahman Hj. Arshad (1985, 24).

Gerak kerja kokurikulum "... adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan atau pun 'esprit de corps' di antara murid-murid pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih murid-murid supaya bersikap bertanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai" (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979)).

Dengan andaian bahawa murid-murid tidak dapat pengalaman-pengalaman tertentu di bilik darjah, maka gerak kerja kokurikulum boleh menyediakan

pengetahuan dan pengalaman tersebut bagi perkembangan mental, minat, bakat, jasmani, rohani, dan pembentukan nilai-nilai estetika serta sosial yang positif (Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (1989)).

Peranan dan tanggungjawab utama sekolah bukan hanya semata-mata kepada menyampaikan ilmu pengetahuan dan memupuk kemahiran-kemahiran tertentu kepada murid-murid, bahkan juga bagi melahirkan murid-murid yang dapat memberi sumbangan ke arah hidup yang harmoni, bersatu padu, bertoleransi, berdisiplin, dan mempunyai sahsiah yang baik, iaitu yang mempunyai sikap serta menghayati nilai-nilai hidup berasaskan prinsip-prinsip Rukunegara (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985).

Pada keseluruhannya, setakat ini sekolah-sekolah telah dapat melahirkan murid-murid yang berjaya dalam bidang akademik melalui kurikulum yang sedia ada. Sungguh pun demikian, melalui kurikulum sahaja, seperti mata pelajaran Sivik, Sejarah, Geografi dan Kesusasteraan, misalnya, belum boleh menjamin tercapainya matlamat bagi melahirkan murid-murid yang mempunyai nilai-nilai akhlak, kesusilaan dan ketatanegaraan sepenuhnya atau yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi.

Seperti mana kurikulum, gerak kerja kokurikulum juga mempunyai peranan dalam pembentukan perkembangan jasmani dan rohani murid-murid. Oleh yang demikian, kokurikulum juga seharusnya dapat dititikberatkan oleh sekolah-sekolah. Dalam konteks pendidikan kebangsaan, kegiatan kokurikulum merupakan satu program penting demi membangunkan potensi murid secara menyeluruh. Secara umum kegiatan kokurikulum yang sedia ada telah berjaya membina disiplin murid serta meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran.

Aktiviti kokurikulum dapat memberi asas kerjaya kepada murid. Ia juga dapat membantu dan melengkapi pengajaran dan pembelajaran serta dapat menimbulkan kesedaran dan penyediaan pemilihan kerjaya murid. Pengetahuan dan kemahiran ini sangat berguna apabila mereka memasuki dunia pekerjaan kelak. Aktiviti ini boleh dijalankan secara kumpulan atau individu dan tidak hanya terbatas kepada kemudahan dan peralatan atau kepakaran yang ada di sekolah itu sahaja. Sekolah yang mempunyai masalah ini bolehlah berusaha mendapatkannya daripada sekolah lain atau masyarakat setempat.

Kesimpulannya, aktiviti kokurikulum dapat memberi peluang kepada murid melatih diri sendiri untuk kesihatan diri, berdisiplin, memupuk minat dan bakat serta membina semangat untuk menghayati nilai perpaduan dan kewarganegaraan, mampu melahir dan meluahkan perasaan secara berhemah, bijaksana dan berkesan, mampu berdikari dan menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan sekolah dan masyarakat serta berketrampilan dalam pelbagai bidang.

PERUNTUKAN MASA

Peruntukan masa untuk kegiatan kokurikulum seperti dalam Warta Kerajaan No. 5652 Jil. 11/Bil. 27 bertarikh 28 Disember 1967 adalah seperti berikut:-

SEKOLAH MENENGAH

Tingkatan	Aliran	Peruntukan Masa
Peralihan, 1,2, 3 & 6		180 minit seminggu
4 & 5	Sastera	180 minit seminggu
	SRT	180 minit seminggu
	Perdagangan	180 minit seminggu
	Sains	140 minit seminggu
	Pertanian	140 minit seminggu
	Teknik	100 minit seminggu

SEKOLAH RENDAH

Tahun	Peruntukan Masa
3 dan 4	60 minit seminggu
5 dan 6	120 minit seminggu

PENGLIBATAN GURU DALAM KOKURIKULUM

Penyertaan semua guru adalah dikehendaki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah. Setiap guru bertanggungjawab ke atas perjalanan aktiviti kokurikulum dan guru tersebut perlu memiliki pengetahuan mengenai perlembagaan atau undang-undang kelab, persatuan, permainan, sukan dan unit beruniform. Guru juga perlu berusaha untuk mendapatkan perlembagaan dan undang-undang bagi setiap kelab atau persatuan yang diawasinya. Mana-mana guru yang enggan melaksanakan kokurikulum sekolah, adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib jika sabit kesalahannya.

TATACARA PENGANALISISAN PENGLIBATAN GURU

Penganalisan data dibuat berdasarkan kepada peratus kehadiran guru melakukan perjumpaan dengan ahli dan senarai aktiviti yang telah dirancang di dalam buku log. Pemantauan terhadap kehadiran guru hendaklah direkodkan bagi mengelakkan penipuan dan guru pemantau hendaklah menyertai sekali aktiviti guru penasihat untuk mendapatkan data

yang lebih tepat. Keberkesanan sesuatu pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah tepat sekiranya guru hadir dan menjalankan aktiviti tersebut.

Kesimpulan bahagian ini telah menerangkan metodologi yang digunakan untuk menjalankan kajian bagi melihat kedudukan kokurikulum di sekolah mengikut persepsi guru di samping mengenalpasti masalah-masalah yang dialami ketika melaksanakan aktiviti gerak kerja kokurikulum di sekolah. Selain dari itu, persepsi pelajar tentang pelaksanaan kokurikulum di sekolah juga dapat diambilkira. Hasil dapatan dari persepsi guru dan pelajar ini boleh dijadikan panduan dan rujukan bagi mengemaskini pelaksanaan kokurikulum di sekolah SMK Datin Onn Jaafar.

PENGLIBATAN GURU SECARA AKTIF ATAU PASIF DITUNJUKKAN DALAM JADUAL DI BAWAH

GURU AKTIF	GURU PASIF
Kehadiran lebih 80% (sekurang-kurangnya 12 kali perjumpaan). Pelaksanaan aktiviti berjalan dengan lancar. Kehadiran pelajar dalam aktiviti persatuan tinggi.	Kehadiran kurang 80% (kurang 12 kali perjumpaan). Pelaksanaan aktiviti kurang memuaskan. Kehadiran pelajar dalam aktiviti sedikit.

LATAR BELAKANG PERSATUAN KEMAHIRAN HIDUP SMK DATIN ONN JAAFAR

Persatuan Kemahiran Hidup SMK Datin Onn Jaafar mempunyai ahli seramai 80 orang pelajar lelaki dan perempuan yang dianggotai oleh pelajar tingkatan 1, 2, dan 3. Persatuan ini mempunyai 4 orang guru sebagai guru penasihat. Aktiviti kokurikulum dijalankan pada hari Rabu pagi dan petang setiap minggu dan hari Sabtu bekerja.

Subjek kemahiran hidup terbahagi kepada 2 bahagian iaitu teras dan elektif. Bahagian teras diwajibkan kepada semua pelajar mengikuti dan mempelajarinya yang meliputi kemahiran-kemahiran seperti dalam bahagian, Reka bentuk, Elektrik, Tanaman, Jahitan, Kerja paip asas dan Asas perniagaan. Manakala bahagian elektif pula terbahagi kepada 4 pilihan iaitu, Pilihan KT - Kemahiran Teknikal, Pilihan ERT – Ekonomi Rumah Tangga, Pilihan PD – Perdagangan, dan Pilihan SPN – Sains Pertanian.

Subjek kemahiran dipelajari secara lebih khusus di dalam bengkel atau makmal kemahiran hidup. Bengkel atau makmal kemahiran hidup perlulah dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan untuk proses pembelajaran, terdapat ruang yang sesuai untuk pelajar belajar dan membuat latihan dan mengandungi peraturan yang diamalkan untuk mengekalkan keselamatan, kebersihan, dan keselesaan untuk belajar dan membuat latihan.

Secara amnya, Persatuan Kemahiran Hidup SMK Datin Onn Jaafar ditubuhkan adalah untuk merealisasikan tujuan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup secara lebih praktikal di luar waktu persekolahan untuk pelajar mendapatkan pengalaman pembelajaran sebenar berbanding pembelajaran secara teori. Antara tujuan utama ianya dibentuk adalah untuk:

- a) Mencungkil bakat kreatif dan inovatif melalui aktiviti-aktiviti reka cipta yang dilaksanakan.
- b) Menyemai minat untuk berniaga melalui aktiviti jualan.
- c) Menanam kesedaran tentang pentingnya persekitaran yang terurus, kemas, bersih dan ceria dapat menyumbang kepada kesejahteraan hidup.
- d) Menanam semangat cintakan alam sekitar dan semangat berbakti kepada bumi.

PENGLIBATAN GURU DALAM AKTIVITI PERSATUAN KEMAHIRAN HIDUP DI SMK DATIN ONN JAAFAR

Penekanan terhadap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum merupakan satu kaedah yang berkesan dalam usaha mengasah kemahiran generik di kalangan pelajar. Aktiviti kokurikulum menjadi pelengkap kepada kitaran pendidikan yang melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor yang merupakan wadah bagi pembinaan jasmani, emosi dan rohani. Di samping itu penglibatan pelajar dalam aktiviti tersebut akan dapat menerapkan beberapa elemen penting seperti disiplin sendiri, kepemimpinan, keusahawanan, kreativiti, inovasi dan kecintaan terhadap alam semulajadi. Ianya juga secara tidak langsung dapat memupuk kepada pembentukan semangat kewarganegaraan, kesetiaan kepada bangsa dan negara serta integrasi nasional yang akan membantu pelajar menentukan hala tuju kehidupan mereka dan masa depan Negara. (Teks Ucapan Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Perhimpunan Bulanan KPT: 15 Disember 2009).

Di SMK Datin Onn Jaafar, langkah pertama yang dilihat mampu meningkatkan penyertaan di kalangan pelajar ialah inisiatif institusi pendidikan itu sendiri. Sebagai contoh, untuk meningkatkan semangat keusahawanan dan mempraktikkan teori yang dipelajari dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup, pihak sekolah boleh menyediakan ruang atau tempat untuk berniaga dengan kemudahan asas yang mudah diperolehi di sekolah. Selain itu, modal pendahuluan juga boleh diberikan kepada mana-mana pelajar yang ingin memulakan perniagaan. Pemberian modal dilihat sebagai langkah terbaik kerana kebanyakan pelajar selalu mempunyai masalah dalam memulakan perniagaan kerana kekurangan wang atau modal.

Dalam proses menyemai semangat keusahawanan, pelajar juga haruslah mempunyai inisiatif mereka sendiri. Pengajaran dan pembelajaran asas perniagaan boleh menjadi satu pemangkin yang baik untuk memulakan segala aktiviti yang berbentuk keusahawanan. Persatuan Kemahiran hidup ini dikendalikan oleh pelajar sendiri dengan bantuan guru penasihat dan ini mampu merealisasikan nilai keusahawanan di kalangan pelajar. Selain Persatuan Kemahiran Hidup, Kelab Usahawan, kelab-kelab lain seperti Persatuan Alam Sekitar, Koperasi Sekolah dan sebagainya juga digalakkan

untuk mengambil kesempatan ini menjalankan aktiviti perniagaan di peringkat sekolah. Tujuannya antara lain adalah untuk mengumpul dana atau duit tabung bagi kelab atau persatuan yang diwakili oleh mereka. Wang yang diperolehi daripada aktiviti keusahawanan boleh digunakan untuk membeli keperluan asas atau peralatan yang diperlukan dalam menjalani aktiviti kokurikulum dengan selesa.

Pelajar juga digalakkan untuk menyertai aktiviti keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak sekolah dengan menjual apa sahaja bentuk perniagaan sama ada barangan, perkhidmatan atau permainan iaitu semasa Hari Usahawan, Hari Kantin, Hari Koperasi atau Hari Penyerahan Kad Kemajuan Pelajar. Pelajar yang kreatif mampu menghasilkan produk mereka sendiri sama ada sumber yang mereka perolehi itu daripada barangan kitar semula. Pelajar yang bijak pula mampu mempelbagaikan barangan mereka dengan harapan semua hasilan yang mereka pertontonkan kepada umum boleh dijual.

Cara ini bukan sahaja mampu memberi pendedahan kepada pelajar tentang selok belok berniaga, malah mengajar pelajar menjadi berani mengambil risiko dan bijak menggembelng sumber dalam usaha mendapatkan pulangan yang berbaloi. Pelajar juga menjadi lebih kreatif, bijak merancang, mengenal pasti masalah dan berupaya melaksanakan perancangan dengan baik dan teliti supaya perniagaan yang mereka jalankan tidak menghadapi kerugian.

Pada peringkat kementerian, pelaksanaan pembelajaran keusahawanan dikenalkan dalam mata pelajaran seperti Kemahiran Hidup Bersepadu, Prinsip Perakaunan dan Perniagaan dan Keusahawanan dan Ekonomi Asas. Langkah ini mampu memberikan pendedahan asas tentang keusahawanan dan teknik berniaga. Subjek ini tidaklah menjadi subjek teras tetapi sebagai subjek tambahan yang boleh dijadikan alternatif oleh para pelajar jika mereka berhasrat untuk menyambung pengajian dalam bidang keusahawanan.

Pengetahuan yang diperolehi daripada mata pelajaran akademik dapat diperkukuhkan dan diamalkan melalui aktiviti kokurikulum. Kegiatan kokurikulum seperti berniaga atau berjualan yang dilakukan oleh pelajar dapat memberi peluang kepada pelajar tersebut memahami konsep latihan dalam bidang tertentu dengan menggunakan pengetahuan tersebut dalam konteks yang lebih bermakna dan realistik. Di samping itu, cara begini juga dapat memberi pengalaman yang mungkin tidak terdapat di dalam bilik darjah dan seterusnya membantu pelajar meningkatkan lagi prestasi mereka dalam akademik.

Masyarakat sekeliling juga memainkan peranan penting dalam penerapan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar. Kerjasama antara pelajar, guru, kakitangan sekolah dan masyarakat sekeliling membolehkan sesuatu aktiviti yang melibatkan keusahawanan berjalan dengan lancar. Tujuan kerjasama ini adalah untuk memupuk hubungan dua hala antara sekolah dan masyarakat serta menyemai semangat berkhidmat, bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain.

Sekolah dapat menggunakan aktiviti kokurikulum sebagai satu sumber bagi pelajar mempraktikkan dan mengukuhkan segala pengetahuan yang diperolehi kepada masyarakat. Terdapat banyak aktiviti khidmat masyarakat yang dapat menimbulkan suasana hubungan dua hala seperti bergotong-royong, membersihkan masjid atau surau, kawasan perumahan atau bandar, mengadakan minggu kerja, ceramah, bimbingan dan latihan tertentu.

Bagi menerapkan nilai keusahawanan melalui Persatuan Kemahiran Hidup, pelajar dengan masyarakat setempat, program kitar semula adalah merupakan suatu program yang diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dalam bidang keusahawanan. Melalui program ini, pelajar mendapatkan barangan kitar semula dari masyarakat setempat sama ada mereka menerima secara percuma atau dengan menawarkan perkhidmatan seperti membersihkan kawasan rumah, mengecat, mencuci kereta dan apa-apa sahaja pekerjaan yang tidak membahayakan diri dan kesihatan. Selain upah yang diperolehi, barangan kitar semula yang didapati daripada aktiviti pembersihan boleh diubahsuai untuk penghasilan produk baru atau dijual terus ke Pusat Kitar Semula.

Selain bergotong-royong atau membersihkan kawasan rumah, pelajar yang kreatif boleh menjalankan perniagaan kecil-kecilan seperti menjual kerepek dan makanan ringan dengan masyarakat setempat. Cara ini dilihat dapat meningkatkan daya saing pelajar, tabah menghadapi cabaran dan sedia menghadapi sebarang kesulitan. Pelajar lebih terdedah kepada aktiviti sebenar keusahawanan yang mereka pelajari di dalam bilik darjah. Selain dari itu, hubungan antara pelajar dan masyarakat menjadi lebih mesra dan bertambah baik. Pelajar bukan sahaja belajar menghormati orang yang lebih tua daripada mereka, malah berpeluang melihat cara hidup masyarakat setempat yang boleh dibuat perbandingan antara baik dan buruknya.

Kesimpulannya, dalam proses menyemai semangat keusahawanan, usaha hendaklah dilakukan bersama semua pihak sama ada pihak sekolah, kementerian, ibu bapa ataupun masyarakat. Semua pihak hendaklah memberi sokongan dan dorongan kepada pelajar semasa proses pembelajaran berlangsung. Pelajar pula harus memainkan peranan penting kerana jika mahu berjaya. Jika pelajar sendiri tiada kemahuan, maka segala usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat hanyalah sia-sia belaka.

Kegiatan keusahawanan pelajar SMK Datin Onn Jafaar dapat diringkaskan dalam jadual berikut:

AKTIVITI DALAM SEKOLAH	AKTIVITI LUAR SEKOLAH
<ol style="list-style-type: none"> 1. Olahraga Tahunan 2. Pameran Kerjaya 3. Hari Kelab Keusahawanan dan Pengguna 4. Hari Kantin 5. Hari Koperasi atau Hari Terbuka (Hari Penyerahan Kad Kemajuan Pelajar) 6. Hari Guru – jualan berbentuk cenderamata, bunga, kad, buah-buahan, `cookies`, permintaan lagu dan lain-lain. 7. MSSDBP (Kejohanan Balapan & Padang) 	<p>Gotong royong anjuran JKKK Taman Pesta Batu Pahat.</p> <p>Program Kitar Semula – pelajar mendapatkan barangan kitar semula dari masyarakat setempat untuk jualan semula.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jualan makanan ringan seperti kerepek dari rumah ke rumah.

CADANGAN UNTUK MENAMBAHBAIK PERANAN GURU DI SMK DATIN ONN JAAFAR

Kebiasaannya pihak sekolah hanya menyediakan alatan pada waktu pelaksanaan kokurikulum sahaja dan tidak dibenarkan pada hari-hari lain mengikut kelapangan pelajar. Bagi mengatasi halangan yang timbul, pihak sekolah perlu menyediakan jadual yang lebih sistematik di mana pelajar boleh menjalankan aktiviti kokurikulum dan menyusun penggunaan alatan dengan lebih sistematik. Selain itu, sekolah juga tidak mempunyai peralatan yang mencukupi berbanding jumlah pelajar yang ramai. Ini menyebabkan pelajar terpaksa berkongsi alatan dengan rakan semasa menjalankan aktiviti kokurikulum.

Bagi mengatasi masalah ini pihak kementerian pendidikan hendaklah meningkatkan peruntukan mengikut jumlah pelajar, seterusnya pihak sekolah sendiri perlu berusaha mencari sumber lain seperti memohon bantuan PIBG ataupun memohon kepada Ahli Undangan Negeri, orang perseorangan dan badan-badan lain dalam membantu menambah peralatan kokurikulum dan seterusnya menarik minat pelajar menyertai aktiviti yang disediakan.

Seterusnya pihak Jabatan Pendidikan, sekolah, PIBG, masyarakat setempat dan individu yang berkaitan seharusnya memainkan peranan, membuat perbincangan untuk menambahbaik pelaksanaan kokurikulum di SMK Datin Onn Jaafar. Dengan adanya penglibatan dari semua lapisan tenaga kerja dari pihak yang terbabit sudah tentu akan dapat menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Akhir sekali diharapkan pihak Kementerian Pendidikan memberi peruntukan yang lebih besar kepada sekolah agar pihak sekolah dapat merancang dan

seterusnya memperlengkapkan kemudahan serta prasarana yang diperlukan untuk aktiviti kokurikulum berjalan lancar dan berjaya.

RUMUSAN

Setelah kajian pelaksanaan penilaian 10% markah kokurikulum sebagai syarat kemasukan ke IPTA bagi calon-calon SPM, STPM dan STAM, maka kokurikulum perlulah diambil berat markahnya. Walaupun hanya 10% ianya banyak membantu dan memberi kelebihan kepada calon ketika pemilihan dibuat. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah mahupun ibubapa perlulah menggalakkan pelajar-pelajar menyertai bidang kokurikulum yang akan mendidik pelajar menjadi berdisiplin.

Sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan, maka pelaksanaan kokurikulum di sekolah adalah **wajib**. {Rujuk Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)} Kegagalan atau keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya {Rujuk Subseksyen 135(1) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)} dan jika kesalahan itu dilakukan secara berterusan, maka apabila disabitkan sedemikian, seseorang itu dikenakan hukuman denda harian yang tidak melebihi lima ratus ringgit sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan kepadanya di bawah Akta ini berkenaan dengan kesalahan itu, bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan. {Rujuk Subseksyen 135(2) Akta 550}.

Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah hendaklah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa ada unsur-unsur diskriminasi atau paksaan dan yang bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Perlembagaan Negara. Rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/2000, KP(BS)8591/Jld. XVI(16) bertarikh 13 Nov. 2000.

Kegiatan kokurikulum di sekolah boleh dilaksanakan dengan menggunakan penglibatan dan kepakaran anggota-anggota masyarakat setempat. Rujuk Subperkara 5.2.3 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4/1985, KP. 8591-11(32) bertarikh 2hb Februari 1985.

Oleh kerana itu, aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah, dan setiap pelajar harus melibatkan diri. Aktiviti ini boleh dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti. Pelaksanaan ini akan berjalan lancar dengan adanya kerjasama pihak sekolah, pihak ibubapa dan kesedaran para pelajar itu sendiri. Guru penasihat merupakan orang yang sangat-sangat penting dalam menggerakkan atau melaksanakan segala bentuk aktiviti yang telah dirancang.

Guru yang aktif sememangnya dapat melaksanakan kegiatan kokurikulum dengan cemerlang tetapi guru yang kurang aktif, pencapaian objektif gagal disempurnakan dengan baik atau gagal dicapai. Pelajar memerlukan seseorang yang dapat memimpin mereka, memandu mereka menjalankan aktiviti kokurikulum dan seterusnya memantau segala bentuk kegiatan mereka.

Untuk menjadi pelajar cemerlang, berupaya memimpin, berkebolahan merekacipta, kreatif dan berinovasi, bijak berfikir dalam segala hal dan berdisiplin sememangnya memerlukan guru untuk rujukan.

koGuru adalah penggerak kepada pelaksanaan kegiatan aktiviti kokurikulum kepada pelajar sama ada pelajar itu pintar atau sebaliknya. Guru yang bergerak secara aktif hasilnya mestilah lebih baik jika dibandingkan dengan guru yang kurang aktif atau hanya yang bertindak sebagai fasilitator tanpa tindakan.

RUJUKAN

- Choong Lean Keow, U.G Press Sdn Bhd. (2008), Falsafah Dan Pendidikan di Malaysia, Selangor
- Ee Ah Meng, Fajar Bakti Sdn.Bhd., (1988), Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih, Selangor.
- Ee Ah Meng, Fajar Bakti Sdn. Bhd.,(2006), Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), Kompetensi Kursus (Fungsi) Pengurusan P&P, Selangor.
- Buku panduan pengurusan aktiviti kokurikulum sekolah menengah dan rendah (1996)
- Sumber Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia
Subperkara 5.1 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985 KP(BS)8591/Jld. 11(29) bertarikh 2hb. Januari 1985
- Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
- Subseksyen 135(1) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
- Subseksyen 135(2) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/2000, KP(BS)8591/Jld. XVI(16) bertarikh 13 Nov. 2000